

Malaysia bimbang keamanan tergugat

U.M. 20 AUG 1991

KUALA LUMPUR 19 Ogos — Malaysia bimbang keamanan dan kestabilan dunia akan tergugat sekiranya Soviet Union kembali kepada corak pemerintahan asal sebelum zaman Presiden Mikhail Gorbachev, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Malaysia berharap, pimpinan baru Soviet Union dapat meneruskan usaha yang telah dibuat oleh bekas presiden itu demi menjamin keamanan dan kestabilan dunia berterusan.

"Kita berharap mereka menumpukan kepada mententeramkan keadaan dalam negeri dan ekonomi mereka serta meneruskan segala usaha Gorbachev seperti yang dijanjikan," kata Dato' Sri Dr. Mahathir kepada pemberith ketika ditanya pendapat beliau mengenai perkembangan terbaru di Soviet Union.

Dato' Sri Dr. Mahathir percaya Soviet Union akan menghadapi kesan buruk akibat pemecatan itu.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, kesan buruk akibat pemecatan Gorbachev bukan sahaja akan dihadapi oleh negara tersebut tetapi juga oleh

negara-negara lain yang mempunyai hubungan dengannya.

"Kalau benar beliau dipecat kita turut berdukacita," katanya .

Bagaimanapun, tegasnya, "adalah diharapkan laporan sebelum ini yang menyebut bahawa beliau (Gorbachev) bersara kerana keadaan kesihatannya yang kurang mengizinkan adalah benar."

Perdana Menteri yang sebelum itu menghadiri majlis makan malam sempena ulangtahun ke-25 Public Bank Berhad di sini malam ini bimbang kegiatan cuba menghasut akan timbul lagi ekoran dari pergolakan yang berlaku di Soviet Union.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata, beliau masih tidak tahu sama ada golongan pelampau komunis di negara tersebut yang memecat Presiden Mikhail Gorbachev.

"Jika ini benar berlaku ia akan mendatangkan kesan terhadap keamanan di dunia sekarang," tegasnya lagi.